

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NASIONAL

Pemberian vaksin kepada pelajar sekolah

## Teliti langkah sesuai pelajar tak divaksin

**Kuala Lumpur:** Pelajar sekolah yang tidak mendapat kebenaran ibu bapa untuk menerima suntikan vaksin COVID-19, mungkin tidak dapat menjalani sesi persekolahan 2022 secara bersempuka.

Itu antara perkara yang sedang diteliti Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Pendidikan (KPM) bagi menilai langkah yang sesuai bagi pelajar sekolah yang enggan atau tidak mendapat kebenaran ibu bapa untuk menerima vaksin berkenaan.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata buat masa ini, pihak sekolah akan berusaha memujuk ibu bapa dan pelajar jika ada

antara mereka enggan divaksin. "Ini sama seperti isi membabitkan 2,500 guru yang enggan menerima vaksin COVID-19 dan tidak dibenarkan melaksanakan pengajaran secara bersempuka.

"Bagaimanapun, perkara ini masih pada peringkat perbincangan. Kita akan mencari penyelesaian terbaik supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dalam keadaan selamat," katanya kepada BH.

Kelmanin, Dr Noor Azmi dilaporkan berkata, program vaksinasi terhadap kumpulan remaja berusia 12 tahun hingga 17 tahun di negara ini, khususnya pelajar sekolah, akan bermula esok.

Pengerusi Pasukan Bertindak

Imunisasi COVID-19 Remaja (CITF-A) itu berkata, proses vaksinasi akan dilaksanakan di premis masing-masing bagi sekolah yang mempunyai lebih 1,000 pelajar.

Sekolah yang mempunyai kurang 1,000 pelajar, khususnya sekolah luar bandar pula akan disatukan dan menerima vaksin bersama empat atau lima sekolah lain, dalam usaha memastikan 80 peratus kadar vaksinasi remaja dapat diselesaikan sebelum sesi persekolahan 2022.

Ditanya mengenai sasaran vaksinasi harian bagi kumpulan remaja bagi membolehkan semua pelajar selesai divaksin menjelang pembukaan sekolah pada Mac tahun depan, Dr Noor Azmi

berkata, belum ada sebarang saran ditetapkan buat masa ini.

"Kapasiti akan bergantung pada jenis sekolah serta kumpulan pelajar yang menerima suntikan," katanya.

Hanya vaksin Comirnaty keluaran Pfizer Bio-NTech mendapat kelulusan berstatis pendataran bersyarat oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), sementara Sinovac sedang menunggu kelulusan.

Ketika ini, program imunisasi COVID-19 kepada remaja sudah bermula di Sarawak sejak 8 September lalu, didahului remaja berusia 16 dan 17 tahun serta 12 tahun hingga 15 tahun yang berisiko tinggi atau mempunyai penyakit kronik.

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Lapan negeri catat pertambahan 4 angka

**15,549 kes baharu dilaporkan, Sarawak rekod jangkitan tertinggi**

Oleh Ahmad Suhail Adnan dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Sejumlah 15,549 kes baharu COVID-19 dilaporkan, semalam dengan lapan negeri menentaskan pertambahan empat angka.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan kes itu menjadikan jumlah keseluruhan individu dijangkiti COVID-19 di negara ini mencecah 2,082,876 kes.

Sarawak melaporkan kes harian tertinggi dengan 2,929 kes, diikuti Johor (2,208) dan Selangor (1,995).

Turut melaporkan pertambahan kes, Sabah dengan 1,395 kes, Pulau Pinang (1,375), Kelantan (1,214), Perak (1,120) dan Kedah (1,073).

Selain itu, Terengganu mencatatkan 755 kes, Pahang (634), Kua-

la Lumpur (382), Melaka (263), Negeri Sembilan (131), Perlis (33), Putrajaya (31) dan Labuan (11).

Sementara itu, sejumrah 388 kematian baharu COVID-19 setakat kelmarin.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kematian akibat wabak itu sebanyak 22,743 kes, iaitu 1.1 peratus daripada 2,067,327 kes positif COVID-19 yang dikesan di negara ini.

Data Kementerian Kesihatan (KKM) di portal COVIDNOW memaklumkan, sejumrah 64 daripada 388 kes yang dilaporkan adalah kematian di luar hospital (BID).

Ia turut merangkumi sejumrah kes tertinggal, dengan ada antara kes meninggal dunia beberapa minggu lalu dan hanya sembalan kematian berlaku Khamis lalu.

Tunggakan kes itu berlaku kerana proses bagi mengesahkan sama ada pesakit COVID-19 meninggal dunia akibat wabak itu mengambil masa.

Berdasarkan purata jumlah kes kematian harian sebenar selama tujuh hari, trend kematian pesakit COVID-19 menunjukkan penurunan selaras peningkatan jumlah populasi lengkap divaksin serta yang menerima sekurang-kurangan-



Masyarakat Orang Asli menerima suntikan vaksin jenis CanSino di Sekolah Kebangsaan Lenjang, Kuala Lipis, semalam. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

nya satu dos vaksin.

Setakat semalam, sejumrah 55.5 peratus daripada keseluruhan populasi negara sudah menerima dos lengkap vaksin COVID-19 dan 66.9 peratus pulak mendapat sekurang-kurangnya satu dos.

Dari pada 388 kes kematian yang dilaporkan itu, 167 daripadanya di Selangor, disusuli Johor

(76), Kedah (48), Pulau Pinang (24), Sabah (22), Kuala Lumpur (12), Pahang (12), Kelantan (10), Perak (tujuh), Terengganu (lima), Perlis (dua), Sarawak (dua) dan Negeri Sembilan (satu).

Satu negeri dan dua wilayah tidak merekodkan sebarang kes kematian iaitu Melaka, Labuan dan Putrajaya.

(76), Kedah (48), Pulau Pinang (24), Sabah (22), Kuala Lumpur (12), Pahang (12), Kelantan (10), Perak (tujuh), Terengganu (lima), Perlis (dua), Sarawak (dua) dan Negeri Sembilan (satu).

Satu negeri dan dua wilayah tidak merekodkan sebarang kes kematian iaitu Melaka, Labuan dan Putrajaya.

## 'COVAX gagal agih vaksin secara adil'

**Kuala Lumpur:** Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, menyifatkan inisiatif COVAX yang dilancarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), gagal dalam memastikan pengagihan vaksin COVID-19 yang adil ke seluruh dunia.

"Negara kami terpaksa mewarai ketidakadilan ini sebelum berjaya menjadikan antara 35 negara yang paling banyak memberikan suntikan vaksin di dunia.

"Bagaimana dengan negara miskin? Dunia perlu mewarai ketidakadilan ini," katanya menerusi Twitter, semalam.

Beliau mengulas isu ketidakadilan pengagihan vaksin COVID-19 antara negara kaya dan miskin, yang dibangkitkan Penasihat Ekonomi Kanan Kumpulan Bank Dunia (IFC), Philip Schellekens di Twitter.

Menerusi satu ciapan, Schellekens memuat naik data yang menunjukkan jurang ketara liputan vaksin bagi setiap 100 pen-

duduk antara negara berpendapatan tinggi dan menengah tinggi, berbanding negara berpendapatan menengah rendah dan negara miskin.

Menurut Schellekens, data itu menunjukkan perkembangan vaksinasi COVID-19 yang sangat perlakuan di negara berpendapatan menengah rendah, selain perkembangan menghampiri sifar bagi negara miskin.

Perbezaan ketara itu berlaku walaupun jumlah populasi bagi negara berpendapatan menengah rendah dan negara miskin adalah separuh daripada populasi dunia.

Jun lalu, Khairy dilaporkan berkata, tindakan negara kaya seperti Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat (AS) membolot

vaksin untuk Malaysia menerusi fasiliti COVAX yang dilancarkan oleh WHO dan Pakatan Vaksin Global (GAVI) berjumlah 10 peratus daripada populasi negara dan selebihnya diperoleh daripada beberapa syarikat farmaseutikal.

Setakat Jun lalu, sejumrah 828,000 daripada 6.4 juta dos vaksin AstraZeneca menerusi fasiliti COVAX sudah diterima Malaysia.

**Hampir 78 peratus dewasa lengkap dua dos**

**Kuala Lumpur:** Hampir 78 peratus penduduk dewasa berusia 18 tahun ke atas di negara ini sudah lengkap menerima dua dos vaksinasi.

Angka itu menunjukkan jumlah penerima dos lengkap vaksin di Malaysia kini melonjak kepada 18,135,561 individu atau 55.5 peratus daripada keseluruhan populasi.

Bilangan populasi dewasa negara ini yang sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos pun adalah 92.9 peratus atau 21,861,904 orang, yang merangkumi 66.9 peratus daripada keseluruhan penduduk Malaysia.

Portal COVIDNOW oleh Kementerian Kesihatan (KKM), menunjukkan pemberian vaksin COVID-19 di seluruh negara merekodkan peningkatan apabila 238,002 dos disuntik kelmarin, berbanding 202,298 dos Rabu lalu.

Ia menjadikan jumlah keseluruhan vaksin yang sudah diagihkan bertambah kepada 39,923,416 dos sejak Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bermula pada 24 Februari lalu.

Berdasarkan kapasiti vaksinasi harian semasa, KKM menjangkakan imuniti kelompok iaitu 80 peratus populasi negara lengkap divaksin, boleh dicapai menjelang 16 Disember depan atau kira-kira tiga bulan lagi.

Setakat kelmarin, 24,178,099 individu mendaftar sebagai penerima vaksin, dengan 23,16,195 daripadanya sedang menunggu untuk menerima dos pertama.

Bagaimanapun, sejumrah 8,479,301 atau kira-kira 25.9 peratus daripada lebih 32 juta rakyat Malaysia masih belum mendaftar sebagai penerima vaksin buat masa ini.

Ia sekali gus menyaksikan, jumlah individu yang berdaftar sebagai penerima vaksin masih belum mencecah 80 peratus daripada populasi negara dan memerlukan sekurang-kurangnya enam peratus atau sekitar dua juta individu untuk mencapai angka berkenaan.

Dalam pada itu, Lembah Klang (Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya) kekal mencatat peratusan tertinggi bagi populasi yang menerima vaksin lengkap dengan 77.3 peratus daripada keseluruhan penduduknya.

Ia disusuli Labuan (67.3 peratus), Negeri Sembilan (66.6 peratus), Sarawak (64.6 peratus), Perlis (58.7 peratus) dan Melaka (55.1 peratus).

ra kaya.

"Negara kami terpaksa mewarai ketidakadilan ini sebelum berjaya menjadikan antara 35 negara yang paling banyak memberikan suntikan vaksin di dunia.

"Bagaimana dengan negara miskin? Dunia perlu mewarai ketidakadilan ini," katanya menerusi Twitter, semalam.

Beliau mengulas isu ketidakadilan pengagihan vaksin COVID-19 antara negara kaya dan miskin, yang dibangkitkan Penasihat Ekonomi Kanan Kumpulan Bank Dunia (IFC), Philip Schellekens di Twitter.

Menerusi satu ciapan, Schellekens memuat naik data yang menunjukkan jurang ketara liputan vaksin bagi setiap 100 pen-

duduk antara negara berpendapatan tinggi dan menengah tinggi, berbanding negara berpendapatan menengah rendah dan negara miskin.

Menurut Schellekens, data itu menunjukkan perkembangan vaksinasi COVID-19 yang sangat perlakuan di negara berpendapatan menengah rendah, selain perkembangan menghampiri sifar bagi negara miskin.

Perbezaan ketara itu berlaku walaupun jumlah populasi bagi negara berpendapatan menengah rendah dan negara miskin adalah separuh daripada populasi dunia.

Jun lalu, Khairy dilaporkan berkata, tindakan negara kaya seperti Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat (AS) membolot

vaksin untuk Malaysia menerusi fasiliti COVAX yang dilancarkan oleh WHO dan Pakatan Vaksin Global (GAVI) berjumlah 10 peratus daripada populasi negara dan selebihnya diperoleh daripada beberapa syarikat farmaseutikal.

Setakat Jun lalu, sejumrah 828,000 daripada 6.4 juta dos vaksin AstraZeneca menerusi fasiliti COVAX sudah diterima Malaysia.

18 September 2021

18 September 2021

17 September 2021

TERKINI  
COVID-19

15,549 Jumlah kes baharu

2,082,876 Jumlah kes disahkan positif

77.5% Populasi dewasa lengkap divaksin

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

Hanya Sarawak dan Johor mencatatkan kes melebihi 2,000 sehari

## Kes harian di Selangor terus turun

Oleh MOHD RIDZAUDIN ROSLAN  
dan SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Jangkitan Covid-19 di dalam negara menunjukkan perubahan ketara apabila hamipir kesemua negeri mencatatkan penurunan dengan kes harian setakat semalam adalah 15,549 kes.

Paling ketara menunjukkan penurunan ialah Selangor yang merekodkan angka di bawah 2,000 iaitu sebanyak 1,995 kes.

Berdasarkan situasi sebelum ini, Selangor pernah merekodkan kes sehingga mele过i angka 8,000 dengan 8,792 kes yang dicatat pada 6 Ogos lalu sebagai rekod tertinggi harian bagi sesebuah negeri.

Bagi statistik sepanjang bulan ini, kes tertinggi yang direkodkan di Selangor adalah di bawah 5,000 iaitu 4,073 kes pada 2 September lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kes harian negeri-negeri lain juga mencatatkan penurunan dengan hanya dua



**SUKARELAWAN mengutip sampah dan membersihkan kawasan pantai pada Program Pembersihan Pantai Sempena Hari Kebersihan Sedunia 2021 di Pantai Saujana, Port Dickson semalam.**

negeri iaitu Sarawak dan Johor kekal mele过i angka 2,000.

"Negeri-negeri lain yang mencatatkan kes empat digit selain Selangor ialah Sarawak (2,929

kes), Johor (2,208 kes), Selangor (1,995 kes), Kedah (1,073 kes), Sabah (1,395 kes), Pulau Pinang (1,375 kes), Kelantan (1,214 kes) dan Perak (1,120 kes).

"Selebihnya ialah Terengganu (755 kes), Pahang (634 kes), Melaka (263 kes) dan Negeri Sembilan (131 kes), Perlis (33 kes), Putrajaya (31 kes) dan Labuan (11 kes)," ka-

tanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Katanya, jumlah kes keseluruhan yang dicatat di negara setakat semalam kini mencecah 2,082,876 kes.

"Jumlah penggunaan katil bukan unit rawatan rapi (ICU) di Selangor mencatatkan 54 peratus sahaja dan angka itu dilihat lebih rendah berbanding Sarawak dan Pulau Pinang di mana masing-masing mencatatkan penggunaan sebanyak 91 peratus.

"Labuan mencatatkan penggunaan katil bukan ICU paling rendah dengan lapan peratus diikuti Negeri Sembilan (29 peratus) dan Melaka (46 peratus)," katanya.

Dalam pada itu, penggunaan katil ICU di Selangor mencatatkan sebanyak 82 peratus, Sabah (70 peratus), Kuala Lumpur (93 peratus), Sarawak (88 peratus) dan Johor (73 peratus).

Labuan masih mengekalkan penggunaan katil ICU paling rendah dengan hanya diisi oleh enam peratus pesakit daripada 18 buah katil secara keseluruhan.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 7  
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# Jangkitan Covid-19 makin menurun

15,549 kes baharu sekali gus tunjuk perkembangan positif berbanding angka terdahulu

KUALA LUMPUR

Jumlah harian pesakit yang pulih daripada Covid-19 di Malaysia terus mengatasi jangkitan baharu apabila 17,205 kes pulih dilaporkan berbanding 15,549 kes baharu yang direkodkan setakat jam 12 tengah hari pada Sabtu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan tersebut menjadikan jumlah kumulatif individu yang pulih daripada wabak tersebut kini seramai 1,840,453 orang.

Menurutnya, terdapat 1,165 pesakit sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) merangkumi 888 kes disahkan Covid-19, manakala 277 kes disyaki, kemungkinan dan dalam siasatan.

**MENDEPANI KRISI COVID-19: APA TINDAKAN KITA?**

"Sebanyak 689 kes memerlukan bantuan pernafasan melibatkan 401 kes positif sementara 288 kes disyaki, kemungkinan dan kes dalam siasatan," katanya dalam kenyataan mengenai perkembangan Covid-19 pada Sabtu.

Dr Noor Hisham berkata, daripada jumlah kes baharu yang dilaporkan, sejumlah 263 kes atau 1.7 peratus adalah kategori tiga (radang paruparup), empat (perlu bantuan oksigen) dan lima (perlu bantuan pernafasan) manakala baki 15,286 kes atau 98.3 peratus dalam kategori satu (tidak bergejala) dan dua (bergejala ringan).

Jelas beliau, daripada jumlah kes baharu itu, lima adalah kes import, manakala 15,544 kes penularan dalam negera melibatkan 13,954 warganegara.

"Sebanyak 16 kluster baharu dikesan dalam tempoh 24 jam iaitu 10 kluster di tempat kerja, empat kluster komuniti dan dua kluster berisiko tinggi,"



DR NOOR HISHAM

kata beliau.

Dr Noor Hisham berkata, kadar kebolehjangkitan Covid-19 atau R-naught ( $R_t$ ) di Malaysia adalah 0.95 dengan semua negeri mencatat bacaan bawah 1.0 kecuali Sarawak dengan nilai  $R_t$  paling tinggi iaitu 1.11 diikuti Terengganu (1.05), Perak dan Pahang (1.04), Johor (1.01) dan Pulau Pinang (1.00).

Data kematian pula dimuat naik dan dipaparkan menerusi laman GitHub dan laman sejawang CovidNow di <https://covidnow.moh.gov.my>.

Dalam perkembangan lain, Dr Noor Hisham berkata 2,507 individu telah disaring melalui Projek Rintis Gelembung Pelancongan Langkawi dan seorangan didapati positif melalui ujian RTK-Ag (kendiri) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

Menurutnya, bagi individu yang disahkan positif, kes berada dalam kategori satu dan diberikan perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (HSO) untuk kuarantin di rumah selama tempoh 10 hari. - Bernama

## Lebih separuh populasi di Malaysia sudah terima dos lengkap

SHAH ALAM — Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan seramai 18,135,561 individu atau 55.5 peratus daripada keseluruhan populasi di negara ini telah menerima dos lengkap vaksin Covid-19.

Menerusi data di portal CovidNow, bilangan penerima sekurang-sekurangnya satu dos vaksin Covid-19 turut meningkat kepada 21,861,904 orang iaitu merangkumi 66.9 peratus dari populasi keseluruhan penduduk Malaysia.

Ia susulan jumlah pemberian vaksin terus meningkat, dengan sebanyak 238,002 dos disuntik pada Jumaat, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan vaksin yang telah diagihkan bertambah kepada 39,923,416 dos sejak Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) bermula 24 Februari lalu.

Turut diperincikan, sebanyak 77.5 peratus populasi dewasa di negara ini telah lengkap menerima vaksin Covid-19, manakala 92.9 peratus populasi dewasa lagi menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Pada masa sama, seramai 24,178,099 individu direkodkan mendaftar sebagai penerima vaksin, dengan 2,316,195 daripadanya sedang menunggu untuk menerima dos pertama.

Bagaimanapun, kira-kira 25.9 peratus iaitu 8,479,301 orang daripada lebih 32 juta rakyat negara ini masih belum mendaftar sebagai penerima vaksin buat masa ini.

Angka itu menjadikan sasaran sebanyak 80 peratus jumlah individu yang berdaftar sebagai penerima vaksin masih belum tercapai.

## Greater Klang Valley Task Force tamat

KUALA LUMPUR — Pengoperasian Greater Klang Valley Task Force Tentera Darat ditamatkan selepas 41 hari beroperasi susulan perkembangan positif situasi pandemik Covid-19 di Lembah Klang.

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, tindakan tersebut diambil dengan persetujuan Greater Klang Valley Special Task Force (GKVSTF) bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selepas jumlah kes harian Covid-19 mulai menurun.

Menurutnya, dengan penamatkan operasi itu, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan terus menumpukan terhadap pelbagai pengoperasian berkaitan Covid-19 di seluruh negara. - Bernama

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA


KADAR PENGGUNAAN ALAT SAMPINGAN PERNAFASAN (CPAP) HOSPIITAL COVID-19 DAN PUSAT KUARANTIN  
Disambut 17 September 2021, 1,353 pasien



NEGERI	Kes Baharu Disahkan (%)	ICU (%)	Hospital (%)	Pusat Kuarantin (%)
SERDANG	130	217	66.4	281
TERENGGANU	64.0	40.5	78.5	55.2
SELANGOR	35.1	80.0	53.2	61.5
SARAWAK	41.2	78.7	69.7	65.3
SABAH	46.5	65.7	71.6	55.4
PERLIS	31.0	31.8	100.4	38.5
PERAK	61.5	69.6	83.8	51.5
PULAU PINANG	72.7	92.5	85.5	48.0
PAHANG	59.8	87.0	64.5	64.3
NEGERI SEMBILAN	45.0	48.8	64.2	45.3
MELAKA	43.1	78.9	78.0	48.1
KELANTAN	67.2	69.8	77.4	70.2
KEDAH	80.2	85.7	82.5	56.0
JOHOR	54.8	85.2	88.2	56.3
MALAYSIA	53.8	76.7	71.0	52.8

INFOGRAPHIC: SINAR HARIAN/EPO

## Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



\*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 18 September 2021

## JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN 2,082,876 | PULIH: 1,840,453 | ICU: 1,165 | KEMATIAN: 22,743 | KES BAHARU: 15,549 | SUDAH DIVAKSN: 39,923,416

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NEWS/ NATION

SLIGHT INCREASE

# 388 DEATHS RECORDED ON FRIDAY

Ministry says reporting backdated to include deaths where time was needed to identify the cause

**KUALA LUMPUR**

**C**OVID-19 deaths reported to the Health Ministry on Friday totalled 388, a slight increase from the 346 the day before.

The latest figure raised the total number of deaths to 22,743, according to data shared on its CovidNow portal.

The Klang Valley area continued to register the highest number of deaths at 179 (167 in Selangor and 12 in Kuala Lumpur).

Johor logged 76 deaths. It was followed by Kedah (48), Penang (24), Sabah (22), Pahang (12), Ke-

lantan (10), Perak (seven), Terengganu (five), Perlis (two), Sarawak (two) and Negeri Sembilan (one).

No deaths were logged in Melaka, Labuan and Putrajaya.

Malaysia's seven-day average of "actual daily deaths" stood at 108 up to 11.59pm on Friday, compared with 133 the day before.


The ministry said that the reporting of the deaths was backdated to include those where time was required to identify the cause.

Sixty-four brought in dead cases were logged on Friday, bringing the cumulative figure to 4,327.

On Friday, Malaysia logged 17,577 new positive cases (17,574 were local cases), raising the national tally to 2,067,327 since the pandemic struck last year.

This includes 221,339 active cases.

Of this figure, 83.1 per cent (183,897) are undergoing home quarantine, 11.1 per cent (24,577) are at Covid-19 quarantine and



People waiting to get inoculated at the Ideal Convention Centre's Covid-19 vaccination centre in Shah Alam, Selangor, yesterday. PIC BY ASWADI ALIAS

low-risk treatment centres, 5.3 per cent (11,661 patients) are being hospitalised, 0.2 per cent (496) are in intensive care units (ICUs) (unventilated) whole and 0.3 per cent (708) are under ventilator support.

The country's ICU utilisation stood at 76.7 per cent or 1,204 active Covid-19 patients.

Up to Friday, patients on ventilators stood at 50 per cent (including non-Covid cases).

The number of Covid-19 patients requiring ventilator support (on a seven-day average) was at its peak on Aug 9 with 921 patients, after which it dropped

to 827 on Sept 1 and 699 on Friday.

Malaysia recorded the highest hospitalisation rate (seven-day average) on Aug 17 with 15,735 patients, which dropped to 12,445 on Friday (11,661 active hospitalisations were reported on the same day).

Kelantan, Pahang, Sarawak and Negeri Sembilan saw an upward trend in their respective hospitalisation rates.

Bernama reported that 18,135,561 individuals or 77.5 per cent of the adult population have been fully vaccinated up to Friday. This is based on data pro-

vided by the Special Committee on Ensuring Access to Covid-19 Vaccine Supply.

Yesterday, the committee said 21,861,904 individuals or 92.9 per cent of the adult population had received at least a jab of the Covid-19 vaccine.

It said 238,002 doses of the vaccine were dispensed on Friday.

These include 162,016 first doses and 75,986 second doses, bringing the number of doses dispensed under the National Covid-19 Immunisation Programme to 39,923,416.

## Number of infections declines for fourth consecutive day

**KUALA LUMPUR:** The number of Covid-19 cases declined for the fourth consecutive day as the country recorded 15,549 new infections up to noon yesterday.

Sarawak remained the state with the most cases at 2,929, followed by Johor at 2,208.

Selangor reported 1,995 cases,

followed by Sabah (1,395), Penang (1,375), Kelantan (1,214), Perak (1,120) and Kedah (1,073).

States reporting case numbers in the hundreds are Terengganu (755), Pahang (634), Kuala Lumpur (382), Melaka (263) and Negeri Sembilan (131).

Perlis, Putrajaya and Labuan

logged the lowest number of cases at 33, 31 and 11, respectively.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said these figures brought the nation-

al Covid-19 tally to 2,067,326 yes-

terday.

He said 92.9 per cent of the adult population had received at least the first dose of the Covid-19 vaccine, while 77.5 per cent had

received both doses.

In total, 66.9 per cent of the nation's population had been vaccinated with at least one dose, while 55.5 per cent were fully vaccinated.



A medical frontliner preparing to administer a Covid-19 vaccine at the Dewan Milenium's vaccination centre in Kepala Batas, Penang, on Friday. PIC BY DANIAL SAAD